

Landasan berkembar cipta sejarah

Projek kereta api termoden dijangka siap 2013

PADANG BESAR - "Setakat ini projek siap 52 peratus. Apabila landasan berkembar siap nanti, masa perjalanan dari kedua arah cuma antara empat hingga lima jam sahaja," kata Pengerusi Kereta api Tanah Melayu Bhd (KTMB), Dr Aminuddin Adnan mengenai pembinaan laluan kereta api termoden di bawah Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) dari Perak ke Perlis.

Aminuddin berkata, projek bernilai RM12.5 bilion yang menggunakan teknologi terkini itu dibina dari Ipoh ke Padang Besar berjalan mengikut jadual dan dijangka siap sepenuhnya pada 2013 nanti.

Menurutnya, berdasarkan pencapaian kerja yang dilakukan oleh kontraktor terlibat iaitu MMC-Gamuda Joint Venture (MMC-Gamuda JV), pembinaan landasan yang melibatkan beberapa negeri iaitu Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis itu ber-

jalan lancar.

"Projek landasan landasan kereta api berkembar itu dibuat dalam usaha meningkatkan lagi mutu perkhidmatan KTMB untuk memenuhi permintaan pelanggan yang terdiri daripada penduduk tempatan dan pelancong asing.

"Di samping itu juga, projek pembinaan landasan sepanjang 329 kilometer yang terbahagi kepada dua jajaran iaitu jajaran Utama dan jajaran Kedah turut akan mempercepatkan perjalanan penumpang yang sebelum ini mengambil masa 10 jam untuk sampai ke Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata, bagi jajaran utama, ia akan melibatkan landasan Ipoh, Perak-Butterworth, Pulau Pinang sepanjang 171 kilometer. Manakala bagi jajaran Kedah pula, Bukit Mertajam, Pulau Pinang-Padang Besar, Perlis akan menjadi laluan tren melibatkan sejauh 158 kilometer.



■ Kerja-kerja pembinaan landasan berkembar giat dijalankan.

Menurutnya, projek landasan berkembar berkenaan dianggarkan boleh digunakan untuk 200 perjalanan kereta api dalam sehari.

"Sejak projek ini dimula-

kan 7 Januari 2008, ia dijadualkan mengambil masa 60 bulan atau lima tahun dan dirancang siap pada 7 Januari 2013.

"Kita akan merangka semula jadual perjalanan tren

bagi memudahkan perjalanan berjalan dengan lancar. Dalam masa yang sama juga, perjalanan bagi laluan berkembar ini turut akan melibatkan ekspres terhad," katanya.

HEBAHKAN
Aktiviti Komuniti Anda
Hubungi
Sinar Harian